

SULIT
1249/2
Sejarah
2007
2 1/2 jam



1249/2

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2007**

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.**
- 2. Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.**


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

(Lihat sebelah)

BAHAGIAN A
[40 markah]

Jawab semua soalan.

1.



a) Berikan pengertian:

i) kerajaan agraria

.....
[1 markah]

ii) kerajaan maritim

.....
[1 markah]

b) Nyatakan **dua** jenis pekerjaan yang dijalankan oleh masyarakat kerajaan agraria

i.....
ii.....
[2 markah]

c) Senaraikan **tiga** ciri kerajaan maritim

i.....
ii.....
iii.....
[3 markah]

d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah kerajaan maritim mesti menjalin hubungan yang baik dengan kerajaan agraria?

i.....

- ii.....
- iii..... [3 markah]

2.

Kerajaan Turki Uthmaniyah merupakan sebuah empayar Islam yang terbesar yang memerintah lebih enam ratus tahun, bermula dari tahun 1281 Masihi hingga 1924 Masihi.

Petikan daripada Sejarah Peradaban Dunia

- a) Namakan **dua** orang pemerintah kerajaan Turki Uthmaniyah
 - i.....
 - ii..... [2 markah]

- b) Nyatakan **tiga** sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah dalam bidang pendidikan
 - i.....
 - ii.....
 - iii..... [3 markah]

- c) Senaraikan **tiga** cara kerajaan Turki Uthmaniyah menyebarkan Islam ke Eropah?
 - i.....
 - ii.....
 - iii..... [3 markah]

- d) Berikan **dua** faktor yang menyebabkan kemerosotan Kerajaan Turki Uthmaniyah?
 - i.....
 - ii..... [2 markah]

3.

Penentangan oleh Penghulu Dol Said di Naning merupakan reaksi spontan masyarakat tempatan di atas pencerobohan kuasa luar.

- a) Mengapakah Penghulu Dol Said menentang British?
i.....
[1 *markah*]

- b) Jelaskan **tiga** tindakan British bagi mengatasi penentangan tersebut?
i.....
ii.....
iii.....
[3 *markah*]

- c) Siapakah yang telah membantu Penghulu Dol Said menentang British?
i.....
ii.....
iii.....
[3 *markah*]

- d) Pada pendapat anda mengapakah Penghulu Dol Said dianggap sebagai wira bangsa?
i.....
ii.....
iii.....
[3 *markah*]

4.

Deklarasi Bangkok yang dimeterai pada 8 Ogos 1967 membawa kepada penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau lebih dikenali sebagai ASEAN.

a) Namakan **dua** buah negara yang terlibat dalam pembentukan ASEAN di Bangkok pada tahun 1967?

i.....

ii.....

[2 markah]

b) Nyatakan **tiga** matlamat pembentukan ASEAN

i.....

ii.....

iii.....

[3 markah]

c) Berikan kerjasama ASEAN dalam bidang kebudayaan dan pendidikan

i.....

ii.....

[2 markah]

d) Mengapakah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dibentuk?

i.....

ii.....

[2 markah]

e) Andaikan anda adalah seorang pemimpin dalam negara ASEAN, mengapakah anda memperjuangkan konsep ZOPFAN?


i.....

[1 markah]

BAHAGIAN B
[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

5.




- a. Terdapat beberapa teori tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Terangkan **dua** teori yang anda ketahui secara terperinci. [8 markah]
- b. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara membuka lembaran baru dalam pendidikan formal masyarakat Melayu. Terangkan. [8 markah]
- c. Sekiranya anda seorang mubaligh Islam yang menyebarkan Islam di Asia Tenggara pada kurun ke 13 Masihi, apakah ciri yang mesti anda miliki bagi melaksanakan misi tersebut? [4 markah]

6.

Selepas kejatuhan Rom sekitar kurun kelima Masihi, Eropah mengalami Zaman Pertengahan. Peringkat awal Zaman Pertengahan dianggap sebagai Zaman Gelap di Eropah.

- a. Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap. [10 markah]
- b. Nyatakan perubahan yang berlaku pada Zaman Kemuncak Pertengahan di Eropah. [6 markah]
- c. Bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakkan Zaman Gelap di Eropah daripada berlaku dalam negara mereka. [4 markah]

7.




- a. Jelaskan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua sistem perundangan di atas. [9 markah]
- b. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dan Terengganu. [5 markah]
- c. Nyatakan unsur-unsur warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan oleh Negeri-negeri Melayu dari awal kurun ke-16 hingga kurun ke-19? [6 markah]

8.

Perlembagaan Malaysia merupakan kumpulan undang-undang tertinggi dalam negara Malaysia.

- a. Jelaskan kepentingan perlembagaan. [10 markah]
- b. Mengapakah Perlembagaan Malaysia perlu dipinda? [5 markah]
- c. Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku dalam sesebuah negara tanpa penguatkuasaan undang-undang? [5 markah]

9.



- a. Terangkan langkah-langkah kerajaan Malaysia untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. [10 markah]
- b. Sukan menjadi alat perpaduan di Malaysia. Jelaskan. [4 markah]
- c. Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda boleh berperanan untuk mengekalkan perpaduan yang sedia ada. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT